

# Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin ditubuh

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
utusanganu@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 6 SEPT.

**U**NIVERSITI Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mencatat sejarah apabila menubuhkan Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin dalam usaha mengembangkan ilmu peradaban Islam bertaraf antarabangsa.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, penubuhan kursi di bawah Institut Penyelidikan Produk dan Ketamaduan Islam (Inspire) itu merupakan yang pertama di UniSZA sekali gus menjadi pemangkin kepada perkembangan serta penerokaan bidang ilmu melalui usaha penyelidikan, seminar dan lain-lain.

Katanya, serentak dengan penubuhan itu, UniSZA turut melantik Ahli Lembaga Pengarahnya, Prof. Datuk Dr. Ismail Ibrahim sebagai penyandang kursi tersebut.

"Lembaga Pengarah meluluskan penubuhan kursi akademik yang dinamakan Kursi Sultan Mizan Zainal Abidin dan pemilihan Ismail mengambil kira sumbangan beliau terhadap dunia akademik



Semoga dengan penubuhan kursi ini dan pelantikan penyandangnya akan merancakkan lagi aktiviti dan program pengembangan serta pembudayaan ilmu bersesuaian dengan moto UniSZA, demi faedah insan."

**YAHAYA IBRAHIM**  
Naib Canselor UniSZA

serta perkembangan pendidikan di Malaysia.

"Semoga dengan penubuhan kursi ini dan pelantikan penyandangnya akan merancakkan lagi aktiviti dan program pengembangan serta pembudayaan ilmu bersesuaian dengan moto UniSZA, demi faedah insan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pemerksaan

Peradaban Islam Abad Ke-21 di UniSZA di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengarah Inspire, Prof. Madya Dr. Fadzli Adam.

Menurut Yahaya, Inspire telah diberi amanah untuk menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kursi yang berkaitan penyelidikan bertaraf antarabangsa, penerbitan berimpak tinggi, pengajian pasca-siswazah dan pembangunan komuniti.

"UniSZA menasarkan perolehan dana kursi ini sebanyak RM5 juta yang akan dilaburkan dalam unit amanah dan antara prospek penaja yang diharapkan dapat menyalurkan sumbangan adalah Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tabung Haji, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) serta beberapa syarikat kontraktor dan pembekal," katanya.

Dalam perkembangan sama, Yahaya memberitahu, majlis perasmian kursi itu akan disempurnakan oleh Canselor UniSZA, Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah pada 16 Oktober ini sempena istiadat konvoikesyen institusi tersebut.